

31 JUL 1998

MENTERI LUAR CHINA MELAWAT MSC

CYBERJAYA, 31 Julai (Bernama) -- Menteri Luar China, Tang Jiaxuan yang kini berada dalam rangka lawatan rasmi ke Malaysia diberi taklimat mengenai projek Koridor Raya Multimedia (MSC) di pejabat MSC di sini.

Taklimat selama sejam itu mengenai pembangunan MSC disampaikan oleh Pengurus Kanan MDC Bagi Teknologi, Dasar dan Penyelidikan Dr Yap Chee Seng.

MDC merupakan agensi yang menyelia pelaksanaan projek MSC yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebelum itu, ketibaan Tang disambut oleh Pengerusi Eksekutif MDC Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah dan pegawai-pegawai kanan lain.

Tang yang tiba di sini, awal hari ini mengetuai delegasi 10 orang bagi lawatan rasmi empat hari.

Cyberjaya, bandaraya pintar pertama di dunia merupakan nukleus MSC yang merupakan zon seluas 750 km persegi di selatan Kuala Lumpur yang dikhaskan sebagai pusat pembangunan produk dan perkhidmatan multimedia.

-- BERNAMA

RV PR